

11 APRIL 2018

## Guru Bahasa Melayu positif dadah ditahan dalam rumah

### Guru Bahasa Melayu positif dadah ditahan dalam rumah

PASIR SALAK – Polis menahan seorang guru Bahasa Melayu yang dipercaya terlibat dalam penangkapan dadah jenis ganja dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Changkat Lada Raya, Kampung Gajah di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Sultan perintendan Mohamad Zainal Abdullah, suspek berusia 45 tahun dan mengajar di sebuah sekolah menengah di Kampung Gajah itu ditahan pada pukul 12.45 malam di dalam sebuah bilik di rumah tersebut.

Jelasnya, pemeriksaan terhadap lelaki

itu menemui bekas plastik berwarna ungu yang mengandungi tumbuhan kering dipercaya dadah jenis ganja seberat 29.5 gram (g).

“Polis turut menemui sepeket plastik berisi tembakau, rokok datun yang dililit dan gunting dipercaya peralatan untuk menagih dadah di atas lantai di dalam bilik itu.

“Ujian awal saringan air kencing mendapati suspek positif dadah jenis tetra hydrocannabinol (THC),” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut Mohamad Zainal, siasatan turut mendapati lelaki itu tidak mempunyai sebarang rekod jenayah lampau.

Jelasnya, suspek direman selama empat

hari hingga Jumaat ini bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 15(1) akta sama.